

**Soalan Lazim Berhubung Pembayaran Balik GST**

**S1: Dimanakah saya boleh menyemak status pembayaran balik GST?**

J1: Status pembayaran balik GST boleh disemak melalui *Taxpayer Access Point* (TAP); Cawangan Kawalan Operasi & Pulangbalik, Ibu Pejabat ([refundgst@customs.gov.my](mailto:refundgst@customs.gov.my)); Stesen JKDM (Bahagian / Cawangan Cukai Dalam Negeri) berdekatan atau Pusat Panggilan Kastam (CCC) Tel: 1-300-88-8500; email: [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)

**S2: Alamat perniagaan saya telah berpindah ke lokasi baru. Perlukah saya mengemaskini butiran pendaftaran GST?**

J2: Ya, alamat perniagaan dan lain-lain butiran pendaftaran GST seperti; no telefon, maklumat bank, orang yang diberikuasa terkini perlu dikemaskini melalui TAP. ini penting untuk proses penentusahan (sekiranya perlu) dan untuk tujuan pembayaran balik GST. Sekiranya, masih menghadapi masalah untuk mengemaskini maklumat berkenaan, perkara ini boleh dirujuk kepada stesen mengawal / berdekatan.

**S3: Saya menghadapi masalah capaian (access) akaun GST melalui *Taxpayer Access Point* (TAP). Apakah tindakan yang perlu saya ambil?**

J3: Syarikat boleh mengaktifkan semula capaian TAP melalui Pusat Panggilan Kastam (CCC) Tel: 1-300-88-8500; email: [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my) atau Stesen JKDM (Bahagian / Cawangan Cukai Dalam Negeri) berdekatan.

**S4: Mengapa saya masih belum menerima tunggakan pembayaran balik GST sehingga kini?**

J4: Semua tuntutan pembayaran balik GST tertakluk kepada penentusahan, auditan atau siasatan. Pembayaran balik boleh dibuat dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh yang ditetapkan (1 September 2018). Ini selaras dengan peruntukan seksyen 8 ACBP (Pemansuhan) 2018.

**S5: Apakah pendekatan JKDM untuk mempercepat pembayaran balik GST?**

J5: JKDM akan menambahbaik pendekatan pembayaran balik GST seperti berikut;

**i) Tuntutan Pembayaran balik GST bernilai kurang RM100,000.00**

Pembayaran balik GST dibuat sebaik sahaja proses penentusahan (*desk review*). Walau bagaimanapun, syarikat atau penuntut masih terikat kepada proses auditan pada bila-bila masa dalam tempoh masa 6 tahun selepas 1 September 2018.

**ii) Tuntutan Pembayaran balik GST bernilai RM100,000.00 dan ke atas**

Tuntutan pembayaran balik GST akan melalui proses penarafan risiko;

a) Sekiranya melepasi proses ini, pembayaran balik GST akan dibuat sepenuhnya setelah proses penentusahan (*desk review*). Auditan akan dilaksanakan pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat.

b) Jika tuntutan tidak melepasi proses penarafan risiko, pembayaran balik GST masih dibuat pada kadar 90% daripada jumlah pembayaran balik GST yang tertunggak pada 01 Januari 2019 setelah proses penentusahan (*desk review*). Baki tuntutan akan dibayar selepas auditan penuh (*field audit*) dilaksanakan. Selain itu, syarikat juga diberi pilihan untuk mendapat bayaran balik sepenuhnya dengan mengemukakan jaminan bank bersama 10% nilai tuntutan dan surat aku janji kesahan tuntutan.

**S6: Sekiranya saya tidak menggunakan kaedah jaminan bank (BG), adakah saya akan mendapat pembayaran balik GST sepenuhnya?**

J6: Tidak. Penggunaan jaminan bank merupakan alternatif untuk mendapatkan baki tuntutan sepenuhnya walaupun auditan belum selesai dijalankan.

**S7: Bagaimanakah saya boleh mendapat keterangan lanjut tentang permohonan menggunakan jaminan bank dan permohonan surat aku janji?**

J7: Permohonan jaminan bank (BG) dan permohonan surat aku janji hendaklah dibuat secara bersurat melalui email; [bgrefund@customs.gov.my](mailto:bgrefund@customs.gov.my). Permohonan menggunakan jaminan bank dan permohonan surat aku janji akan diproses oleh Cawangan Kawalan Operasi & Pulangbalik, Bahagian Cukai Dalam Negeri, Ibu Pejabat.

**S8: Bagaimanakah nilai jaminan bank ditentukan untuk membolehkan pembayaran balik GST dibuat sepenuhnya?**

J8: Penentuan amaun jaminan bank adalah berasaskan kadar 10% daripada jumlah keseluruhan nilai tuntutan pembayaran balik GST pada 1 Januari 2019. Untuk mendapatkan nilai sebenar jaminan bank yang perlu dikemukakan boleh dirujuk ke alamat email [bgrefund@customs.gov.my](mailto:bgrefund@customs.gov.my).

**S9: Bilakah JDKM akan menjalankan pengauditan ke atas syarikat saya?**

J9: Mengikut peruntukan seksyen 8 Akta CBP (Pemansuhan) 2018 pengauditan boleh dibuat dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh ditetapkan (1 September 2018).

**S10: Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung pembayaran balik GST?**

J10: Sebarang maklumat lanjut boleh dirujuk di Cawangan Kawalan Operasi & Pulangbalik, Bahagian Cukai Dalam Negeri, Ibu Pejabat melalui email; [refundgst@customs.gov.my](mailto:refundgst@customs.gov.my)

Alamat Surat Menyurat :

**Ketua Pengarah Kastam  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri  
Cawangan Kawalan Operasi & Pulangbalik,  
Aras 3, Blok A, Menara Tulus,  
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,  
62100 Putrajaya**